

10 JUN 2003

Mahathir-pemaju

JANGAN TERLALU IKUTKAN DESAKAN PEMAJU, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak harus terpengaruh dengan desakan pemaju dengan sewenang-wenangnya memberi kelulusan baru untuk pembangunan tanpa mengira aspek permintaan.

Ini bagi mengelak masalah pembangunan hartanah yang tidak seimbang dengan permintaan, kata Perdana Menteri ketika mempengerusikan sesi keempat dan terakhir Dialog Bajet 2004 di Kementerian Kewangan di sini.

Menurutnya, laporan terkini menunjukkan keadaan "property overhang" (hartanah berlebihan) masih serius khususnya bagi ruang pejabat dan premis perniagaan.

"Saya berharap langkah khusus untuk mengurangkan `property overhang' yang diperkenalkan dalam Pakej Strategi Baru (21 Mei lepas) akan berjaya," katanya.

Dr Mahathir turut berkata semua pihak memberi perhatian serius terhadap sebarang teguran dan rungutan rakyat.

"Jentera pentadbiran yang cekap dapat mengurangkan kos kendalian perniagaan dan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi," katanya.

Bercakap pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata hartanah berlebihan berlaku bukan saja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara termasuk di kawasan seperti Johor Baharu dan Serdang.

"Kerajaan tempatan sekadar memberi kelulusan tanpa memikirkan sama ada hartanah itu mempunyai pasaran atau tidak. Akibatnya, terdapat lebih hartanah di beberapa bandar dan di sekitar Kuala Lumpur," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan tempatan hanya memikirkan tentang kawasan kecil mereka tanpa memberi pertimbangan kepada keadaan keseluruhannya.

Dalam kes Kuala Lumpur, katanya, masalah menjadi lebih berat kerana mereka yang bekerja di situ memilih untuk membeli kediaman di luar bandar raya itu.

"Kesannya ialah kita dapati terlalu banyak rumah, kedai dan ruang pejabat di Kuala Lumpur," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata banyak bangunan tidak dapat disiapkan kerana tiada permintaan.

-- BERNAMA
SHI MAM MAI